

Dr M, 35 CEO kongsi tinjauan masa depan
Karangkraf.com
17 Jun 2013

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan bersama-sama lebih 35 Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pakar industri Malaysia untuk berkongsi unjuran dan tinjauan masa depan bagi 2013 hingga 2020 pada Forum CEO Yayasan Kepimpinan Perdana 2013.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucapatama bertemakand "Better Politics, Post GE-13" pada forum sehari.

Antara penceramah utama ialah Pengerusi Petronas dan bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan yang akan bercakap mengenai pelbagai isu mengenai Malaysia, cabaran luar negara dan masa depan sumber asli.

Forum akan berlangsung esok di Berjaya Times Square Convention Centre.

Yuran penyertaan ialah RM600 dengan 10 peratus diskaun bagi pendaftaran berkumpulan tiga atau lebih. - Bernama

Source: <http://www.karangkraf.com/berita/politik/dr-m-35-ceo-kongsi-tinjauan-masa-depan-1.172501>